



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)  
BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**KETUA PEMBANTU TEKNIK  
BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Architectural Engineering / Building Engineering and Education / Building Studies / Civil Engineering / Construction Engineering / Electrical Engineering / Mechanical Engineering / Project Management / Structural Engineering* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dan berkemahiran dalam melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan, pengurusan projek-projek dan kontrak dokumen adalah kelebihan.
  3. Berkemahiran dalam memahami peranan tanggungjawab dan tugas-tugas sebagai seorang pemimpin adalah kelebihan.
  4. Berkemahiran dalam merancang, menyelaras, menyusun dan membahagikan kerja-kerja secara lebih efektif dan produktif adalah kelebihan.
  5. Berpengalaman dalam bidang yang luas dan terbukti dalam kerja-kerja Kejuruteraan atau yang sebanding dengannya adalah kelebihan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Jurutera dan mengetuai Pembantu Teknik Kanan, Pembantu Teknik dan Pengawas Kecil dalam mengendalikan dan pengurusan projek di Sekolah Agama / Arab dan Bangunan Pejabat-Pejabat di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Agama;
2. Mengadakan lawatan pemeriksaan dan pemantauan kerosakan-kerosakan bangunan / elektrik / lif / penghawa dingin yang diterima melalui aduan-aduan untuk diteliti sebelum tindakan diambil;
3. Menyediakan laporan pemeriksaan, memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi dan membuat pemeriksaan pengesahan kerja siap projek yang dikendalikan oleh Bahagian ini bagi tujuan proses pembayaran;
4. Membantu Jurutera dalam penyediaan dokumen tawaran bagi tujuan pengiklanan projek-projek;
5. Membantu membuat penilaian sebut harga bagi projek-projek di bawah Bahagian ini; dan
6. Melaksanakan / menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Bahagian, Jurutera dan pegawai-pegawai atasan.